



بِحَمْدِهِ مُفْتَنٌ نَّبِيٌّ سَابِعٌ
PEJABAT MUFTI NEGERI SABAH

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله
وأصحابه أجمعين

**KENYATAAN MUFTI KERAJAAN NEGERI SABAH MENGENAI
PELAKSANAAN SOLAT JUMAAT DAN SOLAT HARI RAYA AIDILADHA DALAM
TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

Saya selaku Pengurus Majlis Fatwa Negeri Sabah ingin merujuk keputusan Muzakarah Khas Majlis Fatwa Negeri Sabah bil. 3/2020 yang bersidang pada 1 Julai 2020M/ 9 Zulkaedah 1441H di Balai Cerap al-Biruni, Tanjung Dumpil, Putatan. Majlis Fatwa Negeri Sabah (MFNS) telah bersetuju dengan ketetapan seperti berikut:

1. Solat Jumaat adalah wajib ke atas semua umat Islam yang telah sempurna syarat-syaratnya. Umat Islam wajib berusaha untuk melaksanakan tuntutan tersebut dengan sedaya upaya mengikut kaedah dan pelaksanaan yang telah ditetapkan oleh pihak Jawatankuasa masjid dan surau.
2. Pelaksanaan Solat Jumaat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) diperluaskan seperti berikut:
 - i. Kebenaran diberikan kepada surau-surau yang terpilih untuk mendirikan solat Jumaat tertakluk kepada kebenaran pihak berwajib.
 - ii. Memaksimumkan penggunaan kawasan atau ruang solat di Masjid dan Surau Jumaat yang sedia ada; dan
 - iii. Dalam melaksanakan perkara (i) dan (ii) ini, pihak-pihak berkaitan hendaklah mematuhi semua Prosedur Operasi Standard (SOP) terkini yang telah ditetapkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

3. Solat hari raya Aidiladha adalah dibenarkan untuk diadakan di masjid dan surau dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) pihak berwajib.
4. Saya menasihatkan umat Islam supaya melaksanakan ibadah dengan bersungguh-sungguh khususnya kehadiran solat Jumaat dengan mengambil tindakan yang segera melalui saluran dan kaedah yang telah disediakan bagi mengelakkan diri dari tidak dapat melaksanakannya. Semoga amal ibadah yang kita laksanakan mendapat ganjaran pahala yang sebaiknya serta dikurniakan rahmah dan keselamatan daripada segala wabak dan penyakit.

اللَّهُمَّ إِنَّا نُعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالجُحْنَوْنِ، وَالجُنَاحِ، وَمِنْ سَبَبِيِّ الْأَسْقَامِ

"Ya Allah, kami berlindung dengan-Mu daripada penyakit sopak, gila, kusta, dan penyakit-penyakit yang buruk."

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terikian, Wassalam



SS DATUK HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR

Mufti Kerajaan Negeri Sabah merangkap

Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah

1 Julai 2020M/ 9 Zulkaedah 1441H

